

BAHASA, BUDAYA & WARISAN KITA



DR AZHAR IBRAHIM

Allahyarham Tun Syed Nasir Syed Ismail (1921-1982), yang pernah dikalungkan sebagai 'Pahlawan Bahasa' merupakan seorang tokoh berwibawa.

Beliau ialah seorang pemimpin yang tekun, berani dan bertekad tinggi.

Sekiranya kita membaca riwayat kerjaya beliau, dapat kita mengesan bahasa Allahyarham Tun Syed Nasir memperlihatkan suatu kematangan sebagai pentadbir dan negarawan.

Jawatan besar yang pertama beliau pegang adalah sebagai Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Sebelum itu beliau berkhidmat dalam Kerajaan Negeri Johor sebagai naizir untuk sekolah-sekolah Melayu.

Beliau bukan sahaja memimpin DBP, tetapi beliau diamanahkan untuk mengepalai pelbagai inisiatif Kerajaan Malaysia seperti Pengerusi Jawatankuasa Ejaan Malaysia-Indonesia, Jawatankuasa Musabagah, Pengerusi Lembaga Padi dan Beras, dan banyak lagi.

Allahyarham Tun Syed Nasir turut dilantik Yang di-Pertua Dewan Rakyat dari 1978 hingga 1982.

Kepimpinan beliau, sebagai pengarah yang mengepalai sebuah agensi bahasa, memperlihatkan langkah juang yang tersusun, berhemah, malah memperlihatkan ciri kebangsawanan pemi- kirannya.

DBP PANCURAN BAHASA DAN PUSTAKA

DBP ditubuhkan pada 1956.

Pada mulanya, badan itu dikenali sebagai Balai Pustaka, sebelum berubah menjadi Balai Bahasa dan Pustaka pada 1957, hasil daripada usulan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III yang diadakan di Singapura dan Johor Bahru.

Allahyarham Tun Syed Nasir diangkat menjadi Pengarah DBP pada 1957.

Beliau menerajui DBP daripada Profesor Ungku Abdul Aziz Ungku Hamid, yang memegang jawatan tersebut selama setahun, sebelum diminta bertugas dalam dunia akademik.

Allahyarham Tun Syed Nasir yang dilahirkan pada 1921 di Batu Pahat, Johor, tampil di era negara Malaysia yang baru merdeka, sedang menyusun dasar pendidikan, kebudayaan, pembangunan dan perpaduan.

Beliau juga bukan jenis berpidato bergah-gah tetapi gerak kerjanya tidak bersudut.

Sebaliknya beliau ialah pengarah yang berwibawa merencana, berhemah menyusun langkah, serta bijak mengaturnya.

Pengalaman beliau bertugas dalam

kerajaan negeri Johor, mungkin telah memberi beliau lensa yang terbuka, yakni berdepan dengan realiti kemajmukan bangsa dan agama dalam negara.

Menerajui DBP bukanlah tugas yang mudah kerana jawatan tersebut sering dianggap sebagai 'kerusi panas'.

Kematangan pandangan beliau dalam bidang ilmu, politik dan pembangunan terserlah menerusi pendekatan yang berhemah, bagi memastikan dasar bahasa kebangsaan dapat diterima secara meluas dan dilaksanakan dengan berkesan.

Penerimaan masyarakat terhadap dasar tersebut tentunya akan menjadi lebih kukuh sekiranya prasarana bahasa terus diperkuatkan, di samping para pemimpin menunjukkan teladan yang baik dengan menggunakan bahasa Melayu dalam urusan rasmi dan perhubungan seharian.

Dengan pendekatan sedemikian, beliau tidak perlu bergantung pada retorik politik semata-mata untuk menegaskan dasar bahasa kebangsaan yang diyakininya, dan yang telah diamanahkan kepadanya untuk diperkukuh.

Daripada pelbagai ucapan dan penulisan beliau, dapat kita jejak cara berfikir beliau yang rapi, mendalam, berhemah dan merangkul, agar khalayak sasarannya dapat menerima dan faham akan apa yang beliau ajukan.

Cara pandangan beliau tentang peranan bahasa sangat meluas.

Beliau melihat pentingnya bahasa dimajukan dan dimaksimumkan penggunaannya dalam masyarakat.

Bahasa hanya boleh hidup dan maju sekiranya digunakan kerap, betul dan benar-benar hidup dalam perasaan, pemikiran dan tindakan.

Menariknya, beliau malah tidak pernah melafazkan bahasa sebagai persoalan 'jati diri', ataupun apa yang dikenali kini sebagai identiti politik.

Sebaliknya, beliau melihat bahasa daripada dimensi yang mempermudah pentadbiran, pengukuh keilmuan, pemantapan perhubungan, pembingkai pendidikan, pencorak kebudayaan, pemacu ekonomi, pelafaz kesusasteraan dan pembimbing kepada generasi muda.

KERJA BAHASA AMANAH BANGSA

Memperjuangkan bahasa bagi Allahyarham Tun Syed Nasir adalah kerja dan amanah yang berterusan.

Sesuatu bangsa tidak akan maju sekiranya bahasanya mundur dan tidak bermaruah.

Kerja mendaulatkan bahasa adalah tugas setiap warga, bukan setakat terletak pada pundak DBP semata.

Di saat Allahyarham Tun Syed Nasir berpegang kuat kepada pendirian tentang dasar bahasa kebangsaan, beliau berdepan dengan banyak kecaman dan kritikan, sehingga beliau dianggap sebagai cauvinis dan ekstremis.

Allahyarham Tun Syed Nasir tetap

Tun Syed Nasir: bahasa dalam



Allahyarham Tun Syed Nasir Syed Ismail yang dilahirkan pada 1921 di Batu Pahat, Johor, pernah menggalas tanggungjawab sebagai Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Beliau bukan sahaja memimpin DBP, tetapi beliau diamanahkan untuk mengepalai pelbagai inisiatif Kerajaan Malaysia dan turut dilantik Yang di-Pertua Dewan Rakyat dari 1978 hingga 1982. - Foto BERNAMA

teguh kepada amanah yang telah diberikan sebagai Pengarah DBP.

Beliau melihat perjuangan membangunkan bahasa terikat dengan upaya membangunkan bangsa.

Ertinya ia bukan semata-mata soal perancangan birokrasi tetapi beliau meletakkan ini sebagai tanggungjawab semua.

Ia menuntut lebih daripada sekadar keputusan politik, tetapi juga kesedaran sosial, perancangan pemerintah, upaya keilmuan dan pendidikan.

Para cerdik pandai dan pemimpin negara haruslah tampil memberikan teladan.

Selepas Persekutuan Malaysia terbentuk pada 1963, penggunaan bahasa Melayu di institusi pendidikan tinggi dan mahkamah tidak dipakai secara meluas.

Pada ucapan beliau dalam Radio Malaya sempena Bulan Bahasa Kebangsaan pada 1961, beliau menyeru:

"Universiti ialah kemuncak sistem pelajaran kita. Tidak akan ada ertinya kalau bahasa kebangsaan yang menjadi bahasa rasmi tunggal dan penyatuan semangat kebangsaan anak-anak kita itu hanya dipakai di sekolah rendah dan menengah, manakala bakal pemimpin masyarakat kita yang dibentuk di universiti tidak ikut dibentuk melalui ba-

hasa kebangsaan. Keadaan seperti itu akan memisahkan mereka daripada masyarakat, sedangkan segala hal menadbir negara diserahkan ke dalam tangan mereka."

Malah dalam mengusulkan bahasa Melayu sebagai pengantar di universiti, ia bukanlah bermakna menghapuskan penggunaan bahasa Inggeris sama sekali.

Bahan bacaan dalam bahasa Inggeris masih boleh dipakai dan terus menjadi rujukan.

Allahyarham Tun Syed Nasir menegaskan:

"Kita tidak pula akan menyingkirkan kepentingan bahasa Inggeris kerana tindakan seperti itu tidak wajar. Tidak ada dosanya kita mempelajari bahasa-bahasa antarabangsa, kalau tujuan kita adalah untuk mencari ilmu dengan menggunakan bahasa-bahasa itu sebagai alat."

Inilah beban sejarah yang berpunca daripada dasar pemerintahan kolonial terdahulu.

Bahasa Melayu dipandang sepi, dan penjajah tidak berminat membangunkan bahasa ini melangkaui peringkat sekolah rendah.

Apabila Malaya merdeka pada 1957, menggerakkan sistem pentadbiran dan perundangan dalam bahasa Melayu

Terajui DBP, martabatkan masyarakat majmuk



Buku 'Tun Syed Nasir : menghimbau jasa, menjunjung citra' yang diterbitkan pada 2007 oleh Yayasan Warisan Johor untuk memperingati jasa Tun Syed Nasir sebagai seorang mantan ahli politik dan Pengarah DBP. – Foto FACEBOOK PERSATUAN BANGSA JOHOR

Dengan ketegasan penuh hemah, beliau perjuangkan penggunaan bahasa Melayu secara meluas agar terus hidup

“Cara pandangan beliau tentang peranan bahasa sangat meluas. Beliau melihat pentingnya bahasa dimajukan dan dimaksimumkan penggunaannya dalam masyarakat. Bahasa hanya boleh hidup dan maju sekiranya digunakan kerap, betul dan benar-benar hidup dalam perasaan, pemikiran dan tindakan. Menariknya, beliau malah tidak pernah melafazkan bahasa sebagai persoalan ‘jati diri’, ataupun apa yang dikenali kini sebagai identiti politik. Sebaliknya, beliau melihat bahasa daripada dimensi yang mempermudah pentadbiran, pengukuh keilmuan, pemantapan perhubungan, pembingkai pendidikan, pencorak kebudayaan, pemicu ekonomi, pelafaz kesusasteraan dan pembimbing kepada generasi muda.

Penulis.

BERBAHASA MENDAULAT NEGARA-BANGSA

Nada bahasa yang Allahyarham Tun Syed Nasir pakai adalah bahasa yang merangkul dan menyeru, bukan bahasa dengan nada mendabik, bersorak, menuding dan menyalahkan kelompok yang menentang pendiriannya.

Semangat kebangsaan beliau dibandingkan dengan sikap cauvinis.

Beliau pernah dituduh sebagai ekstremis, cauvinis atau pemikiran yang berbaur perkauman, hanya kerana beliau memperjuangkan dasar bahasa kebangsaan.

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan ditegakkan dengan niat memperkuat perpaduan masyarakat bangsa yang berbilang kaum di Malaysia.

Namun ini bukan bererti bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa kaum lain dilarang penggunaannya atau dipinggirkan.

Setiap bahasa itu masih boleh terus dipakai, termasuk diajar di sekolah-sekolah.

Malah, Kerajaan Malaysia memberi peruntukan yang lebih besar untuk sekolah aliran Cina dan Tamil jika dibandingkan sewaktu zaman kolonial.

PENULIS DAN KEINTELEKTUALANNYA

Allahyarham Tun Syed Nasir melekatkan tanggungjawab besar kepada penulis.

Sekadar pandai berbahasa dan kreatif mengolah belum tentu cukup menjadikan seorang penulis itu berjaya.

Paling penting adalah isi dan gagasan pemikiran yang dibawa.

Beliau menyebut ini sebagai keintelektualan.

Tambah beliau, penulis yang baik dapat menyalurkan cara pandangan yang matang kepada khalayaknya.

Matang itu bermaksud berhemah dan berimbang.

“Salah satu daripada peranan penulis ialah memimpin fikiran umum ke arah kematangan... Analisisnya harus berdasarkan pemerhatian teliti, mendalam, kritis dan berdasarkan ilmu pengetahuan yang benar.”

“Segala sifat keremajaan yang ada pada masyarakat kita mestilah dapat diatasi oleh penulis.

Ia mesti dinamis dan radikal, tetapi tidaklah mesti menyerang dan menghancurkan.

Ia juga mesti berani meruntuhkan yang lama, di samping membangunkan yang baharu.”

Para penulis memainkan peranan penting menegakkan keadilan dan kesejahteraan dalam masyarakat, dan mesti akur akan peri penting berobjektif dalam menilai sesuatu perkara atau peristiwa.

Sesungguhnya tugas penulis itu sangat besar dan berat.

Ia tidak boleh terlena atas nama mencari mimpi syurgawi atau asyik dengan berfirasat bahawa dialah empunya penawar segalanya.

Penulis mesti memiliki ilmu pengetahuan yang membumi.

Penulis, bagi Allahyarham Tun Syed Nasir, “pembentuk dan pemimpin zamannya”.

Ini bermaksud berani mengedepankan kebenaran ertinya berdiri atas etika yang adil dan saksama.

Apabila ada kepincangan atau hal korup yang berlaku dalam masyarakat tidak dibongkar atau dipermasalahkan, masyarakat akan turut sama menjadi korup.

Inilah pendapat Allahyarham Tun Syed Nasir kerana bagi beliau, kalau ini semua tidak diketengahkan oleh penulis, maka yang rugi besar adalah masyarakat itu sendiri.

Ini akan terjadi sekiranya penulis tidak menguasai ilmu kemasyarakatan dan kemanusiaan.

Seraya beliau menegaskan: “Pemerhatian yang teliti dan kritis itulah yang memberikan ilham dan menghidupkan imaginasi penulis.”

Karyanya akan hambar sekadar menjadi olahan cerita yang mungkin menarik, dan bahasanya mungkin meliuk-liuk, tetapi isi dan nilainya kontang lagi gersang.

Para penulis mesti dapat menangkap segala bentuk ragam kehidupan, struktur dan sejarah yang telah mempengaruhi kehidupan.

Tanpa pengetahuan ini, karya mereka hanyalah longgokan kata.

Pendek kata, para penulis wajar “mendisiplinkan dirinya dengan ilmu pengetahuan, tahu tentang etika penulisan dan tahu tentang hukum kemasyarakatan”.

Masyarakat yang sedang membangun, memerlukan kepimpinan keintelektualan dan kebudayaan agar jalan pembangunan tidak tersasar, lembap dan merugikan.

Sebagai seorang pendidik yang lama mengurus hal ehwal pendidikan, Allahyarham Tun Syed Nasir memberi keutamaan pentingnya kepemimpinan berfikir yang harus dipupuk dalam masyarakat.

Cara berfikir yang terbelenggu, terlalu romantis hingga terpisah daripada kenyataan, serta tertutup dan hanya mengutamakan kelompok sendiri merupakan antara perkara yang menjadi keprihatinan Allahyarham Tun Syed Nasir.

Pernah ditegaskan beliau, kalau cara berfikir dalam kalangan pemimpin rosak dan celaru, pastinya juga ia akan melarat ke pemikiran rakyat.

Allahyarham Tun Syed Nasir ialah tokoh yang kuat pendiriannya bahawa bahasa boleh menjadi salah satu unsur yang boleh menguatkan perpaduan kebangsaan.

Bahasa pula adalah alat membangun ilmu, dan dengan itu memajukan bangsa.

Beliau berdiri dengan idealisme bahawa pendidikan harus dituntut, dan kesempatan membangun diri dan ilmu harus dikaut.

► Penulis ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura. Beliau juga Naib Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, selain Ketua Perwakilan Mastera, Singapura. Dr Azhar antara panel penulis yang diundang khas Berita Minggu (BM) untuk mengupas isu bahasa, budaya dan warisan.

menjadi masalah kerana mereka yang berkelulusan tinggi, dan menguasai bahasa Melayu, sangat sedikit jumlahnya.

Dalam kalangan yang berpendidikan Inggeris, ada yang tidak meyakini bahasa Melayu boleh menjadi bahasa untuk pengantar ilmu dan pentadbiran moden, mahupun ekonomi dan kesenian tinggi.

Namun mendabik cinta terhadap bahasa tidak mencukupi.

Perancangan dan pelaksanaannya mesti dibuat.

Kerja membangunkan bahasa adalah juga kerja membangunkan ilmu dan budaya.

Membangunkan bahasa bukan dengan slogan, atau sekadar untuk maruah bangsa.

Bagi Allahyarham Tun Syed Nasir ‘maruah’ bahasa itu yang sebenarnya “terletak pada kemajuan pemakaiannya, di peringkat rasmi, jabatan, pejabat-pejabat dan kementerian-kementerian...”

Kesungguhan beliau dalam memajukan bahasa dan pustaka untuk Malaysia sudah termaklum.

Pada 1978, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), menganugerahkan beliau Ijazah Kehormat Doktor Persu-ratan.